

Ruj.Kami : ANM.PK.G.600-1/1/2JLD.5 (25)
Tarikh : 5 Oktober 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

MODUL BAYARAN iGFMS GANTIAN CUTI REHAT (GCR): PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PENGELUARAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT KEPADA PENJAWAT

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas, surat MOF: MOF.TAX(S)700-1/3/14 JLD.3 (SK.2) (10) bertarikh 13 September 2023 dan e-mel dari Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan nombor rujukan BPOPP/SPO (Emel)/2023 (32) bertarikh 3 Oktober 2023 adalah berkaitan.

2. Sepertimana surat MOF yang dilampirkan, YAB Menteri Kewangan selaras dengan peruntukan Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah meluluskan pengecualian cukai pendapatan ke atas pengeluaran awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada Anggota Perkhidmatan yang layak.

3. Bagi penjawat awam yang telah membayar cukai pendapatan ke atas pengeluaran awal Award Wang Tunai GCR yang diterima pada tahun 2022, permohonan bayaran balik cukai boleh dibuat secara terus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

4. Sepertimana yang telah dibuat pengemaskinian melalui MYCODE, pembayaran GCR adalah seperti berikut :

- **Modul Pembayaran : K2 - Arahan Pembayaran Invois Tanpa Pesanan Kerajaan**
- **Kod Akaun : Sila rujuk CAA terperinci di dalam SPANM yang berkuatkuasa**

Kod Akaun	Perihal kod akaun
B044810x	GCR Kakitangan Awam
B044820x	GCR Pasukan Keselamatan
B044830x	GCR Anggota Pentadbiran dan Parlimen
B044840x	GCR Pekerja Kontrak dan Orang Lain

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**